

**MAKLUMBALAS TINDAKAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN (OFI)  
AUDIT PEMANTAUAN SEMAKAN 2,  
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) ISO 9001:2015  
(9-13 OKTOBER 2023)**

Bilangan Peluang Penambahbaikan (OFI) = 8

NO. OFI	KLAUSA	PENYATAAN OFI	PTJ TERLIBAT / LOKASI AUDIT	MAKLUM BALAS TINDAKAN	TARIKH TINDAKAN	SENARAI DOKUMEN SOKONGAN (BUKTI TINDAKAN)	STATUS
OFI-1	6.1.2	<p><b>Pentaksiran risiko keselamatan maklumat</b> <b>A.8.1.1 Inventori aset</b></p> <p>Organisasi telah melaksanakan pentaksiran risiko berdasarkan MyRAM di semua PTJ yang berkaitan. Namun aset yang dikaitkan dengan maklumat, dan fasiliti pemprosesan maklumat boleh juga dikenal pasti di dalam pentaksiran risiko bagi mengenal pasti risiko yang berkaitan. Contohnya CCTV.</p>	Sekolah Pengajian Siswazah (SPS)	<p><b>Cadangan OFI ditolak</b> <u>Justifikasi Penolakan:</u> Sekolah Pengajian Siswazah berpendapat CCTV tidak perlu didaftarkan sebagai aset di dalam MYRAM berikutan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. CCTV di bangunan SPS adalah merupakan salah satu aset yang dibuat perolehan untuk pemantauan keselamatan am bangunan. Ianya didaftarkan di bawah sistem aset universiti dan diurus serta diselenggara mengikut prosedur-prosedur berkaitan oleh Pejabat Bursar.</li> <li>2. Sistem pendaftaran pelajar adalah aplikasi berasaskan web (web based application), dan semua data adalah berada di server di Pusat Data dan bukan di SPS. Oleh itu, tiada keperluan signifikan untuk pemantauan melalui CCTV bagi server di SPS memandangkan server di SPS tidak berkait dengan sistem pendaftaran pelajar.</li> <li>3. Sekiranya berlaku kejadian kecurian komputer dan aset lain di SPS, ianya tidak memberi kesan memandangkan data masih selamat berada di server. Setiap staf juga mengamalkan langkah-langkah keselamatan sebagaimana di Garis Panduan Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (GPKTMK) UPM.</li> <li>4. SPS juga menggunakan kawalan keselamatan lain untuk keselamatan bangunan, di mana pintu utama memerlukan akses masuk melalui nombor kombinasi yang ditukar setiap 3-4 bulan untuk keselamatan.</li> </ol>			<b>CADANGAN DITOLAK</b>

NO. OFI	KLAUSA	PENYATAAN OFI	PTJ TERLIBAT / LOKASI AUDIT	MAKLUM BALAS TINDAKAN	TARIKH TINDAKAN	SENARAI DOKUMEN SOKONGAN (BUKTI TINDAKAN)	STATUS
			Pusat Antarabangsa	<p>Pusat Antarabangsa bersetuju dengan kenyataan iaitu tiada keperluan CCTV di Pusat Antarabangsa didaftarkan sebagai aset di dalam system MyRAM berdasarkan pernyataan di bawah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kegunaan cctv di Pusat Antarabangsa adalah sebagai salah satu fungsi keselamatan untuk kawasan bangunan serta kemudahan kaunter yang ada di Pusat Antarabangsa.</li> <li>2. Pengesahan Pendaftaran pelajar adalah berdasarkan <i>Web Based</i> dimana penggunaan sistem berkaitan iaitu PutraENROLL, iGIMS, dan SMP adalah di bawah tanggungjawab Pusat Data (iDEC) dimana semua data adalah berada di server Pusat Data bukan di i-PUTRA. Manakala bagi pengesahan pelajar menggunakan sistem STARS, aplikasi adalah di bawah kelolaan Bahagian Education Malaysia, Jabatan Pengajian Tinggi.</li> <li>3. Memandangkan semua data adalah di dalam server Pusat Data iDEC, sekiranya berlaku sebarang kecurian aset, data boleh dicapai semula menggunakan aset lain.</li> <li>4. Pusat Antarabangsa juga mempunyai sistem kawalan bagi akses kemasukan ke pejabat menggunakan kad akses bagi semua staf manakala kemasukan pelajar adalah terhad di kawasan kaunter visa dan pas sahaja.</li> <li>5. Staf Pusat Antarabangsa juga telah mengamalkan Langkah-langkah keselamatan sepertimana yang telah ditetapkan di bawah Garis Panduan Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi UPM.</li> </ol>			

NO. OFI	KLAUSA	PENYATAAN OFI	PTJ TERLIBAT / LOKASI AUDIT	MAKLUM BALAS TINDAKAN	TARIKH TINDAKAN	SENARAI DOKUMEN SOKONGAN (BUKTI TINDAKAN)	STATUS
OFI-2	8.1	<p><b>Perancangan dan kawalan operasi</b>  <b>A.11.2.1 Penempatan dan perlindungan peralatan</b></p> <p>1. Didapati, peralatan ICT seperti <i>switch</i> ditempatkan didalam <i>Sever Room</i> di PTJ yang berkaitan. Peralatan ini hendaklah ditentukan penempatannya dan dilindungi bagi mengurangkan risiko ancaman dan bahaya persekitaran.</p> <p>2. Kekemasan kabel didalam <i>Sever Room</i> tersebut juga boleh ditambah baik.</p>	<p>Sekolah Pengajian Siswazah (SPS)</p>	<p>Memerlukan budget perolehan UTP cat6 patch cord baharu bagi menggantikan patch cord lama beserta kerja kekemasan kabel 2 rack network di SPS.</p>	6 Dec 2023	<p>Permohonan budget kepada Sekolah Pengajian Siswazah (SPS)</p>	TELAH DILAKSANAKAN
			<p>Pusat Antarabangsa</p>	<p>Telah laksanakan di Bilik Rangkaian Pusat Antarabangsa pada 13 Oktober 2023</p>	13 Oct 2023	<p>Rujuk gambar sebelum dan selepas di Lampiran 1</p>	TELAH DILAKSANAKAN
			<p>Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC)</p>	<p>Pihak UPM melalui iDEC telah membangunkan Garis Panduan Pendawaian Rangkaian Berpusat Universiti Putra Malaysia. Sesi penerangan Garis Panduan ini akan dilaksanakan kepada staf Seksyen ICT.</p>	<p>25 Oktober 2023</p> <p>29 Februari 2024</p>	<p>1. Garis Panduan Pendawaian Rangkaian Berpusat Universiti Putra Malaysia. (Lampiran 2) - 6/12/2023</p> <p>2. Hebahan Garis Panduan Pendawaian Rangkaian Berpusat Universiti Putra Malaysia 2.0 telah dilaksanakan kepada semua staf Seksyen ICT melalui email) bertarikh 29.2.2024.</p>	TELAH DILAKSANAKAN

NO. OFI	KLAUSA	PENYATAAN OFI	PTJ TERLIBAT / LOKASI AUDIT	MAKLUM BALAS TINDAKAN	TARIKH TINDAKAN	SENARAI DOKUMEN SOKONGAN (BUKTI TINDAKAN)	STATUS
OFI-3	8.1	<p><b>Perancangan dan kawalan operasi A.9.2.3 Pengurusan hak akses istimewa</b></p> <p>Pemilik Sistem PutraEnroll adalah Sekolah Pengajian Siswazah (SPS). Sistem PutraEnroll yang digunakan oleh SPS boleh ditambah baik dengan menghadkan dan mengawal hak akses pada modul yang diperlukan oleh SPS sahaja.</p>	Sekolah Pengajian Siswazah (SPS)	Permohonan melalui SPICT berkaitan hak dan kawalan akses hanya pada modul di bawah PTJ berkaitan telah dibuat terdahulu pada 12 Jun 2023. Permohonan semula telah dibuat pada 6 Disember 2023 yang mana ianya masih dalam tindakan oleh pihak iDEC.	-	Permohonan adalah seperti mana pada <b>Lampiran 1</b> .	<b>Tindakan masih sedang dilaksanakan oleh pihak IDEC. Jangkaan – bulan November 2024</b>

NO. OFI	KLAUSA	PENYATAAN OFI	PTJ TERLIBAT / LOKASI AUDIT	MAKLUM BALAS TINDAKAN	TARIKH TINDAKAN	SENARAI DOKUMEN SOKONGAN (BUKTI TINDAKAN)	STATUS
OFI-4	8.1	<p><b>Perancangan dan kawalan operasi A.9.2.5 Kajian semula hak akses pengguna</b></p> <p>Pemilik sistem PutraEnroll telah melaksanakan semakan terhadap hak akses pengguna. Namun semakan senarai pengguna tersebut boleh ditambah baik lagi dengan disahkan / dibuat verifikasi oleh ketua bahagian pada sela masa yang ditetapkan.</p>	Sekolah Pengajian Siswazah (SPS)	Garis Panduan Pengurusan Pengguna PutraENROLL dan borang Permohonan ID PutraENROLL telah diwujudkan dengan tarikh kuatkuasa pada 21 November 2023.	21 November 2023	Garis Panduan dan borang seperti mana pada <b>Lampiran 2a dan 2b.</b>	<b>TELAH DILAKSANAKAN</b>

NO. OFI	KLAUSA	PENYATAAN OFI	PTJ TERLIBAT / LOKASI AUDIT	MAKLUM BALAS TINDAKAN	TARIKH TINDAKAN	SENARAI DOKUMEN SOKONGAN (BUKTI TINDAKAN)	STATUS
OFI-5	8.1	<p><b>Perancangan dan kawalan operasi</b>  <b>A.11.1.2 Kawalan kemasukan fizikal</b></p> <p>Organisasi telah menetapkan parameter CCTV dan pelawat atau kontraktor diiringi oleh kakitangan semasa kemasukan fizikal ke Pusat Data. Walau bagaimanapun, organisasi boleh melaksanakan pemantauan kemasukan pelawat dengan lebih jelas dan konsisten contohnya perekodan kemasukan kontraktor ke pusat data melalui penggunaan Data Center Inventory Management System (DCIM), Centric.</p>	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC)	Penggunaan DCIM di dalam pemantauan kemasukan pelawat telah dilaksanakan, namun terdapat beberapa kekangan pada sistem DCIM yang telah digunakan selama 11 tahun ini. Perkara ini akan ditambahbaik dengan perolehan atau naik taraf aplikasi pemantauan pelawat.	29 Februari 2024	Kertas Cadangan perolehan atau naik taraf aplikasi pemantauan pelawat. KERTAS KERJA NAIK TARAF SISTEM DATA CENTER INVENTORY MANAGEMENT (DCIM)	<b>TELAH DILAKSANAKAN</b>

NO. OFI	KLAUSA	PENYATAAN OFI	PTJ TERLIBAT / LOKASI AUDIT	MAKLUM BALAS TINDAKAN	TARIKH TINDAKAN	SENARAI DOKUMEN SOKONGAN (BUKTI TINDAKAN)	STATUS
OFI-6	8.1	<p><b>Perancangan dan kawalan operasi</b>  <b>A.16.1.2 Pelaporan kejadian keselamatan maklumat</b></p> <p>Pelaporan kejadian boleh ditambahbaik dengan mengambilkira semua insiden supaya pemantauan dan analisis berkenaan insiden tersebut dapat dilaksanakan dengan konsisten dan mencapai objektif keselamatan maklumat.  Rujukan insiden: Data yang telah di back-up di local server gagal dimuatnaik ke Veeam backup server.</p>	Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC)	Dokumen UPM/ISMS/OPR/GP14/BACKUP akan dibuat perubahan dengan menambah maklumat berkaitan kegagalan backup seperti berikut : “Semua backup yang dilaksanakan hendaklah disemak untuk memastikan kejayaan proses tersebut. Jika didapati ada backup yang mengalami kegagalan hendaklah direkodkan dan diambil tindakan yang sewajarnya.	Penambahbaikan dokumen telah dilaksanakan pada CPD bertarikh 13/09/202	Kod Dokumen : UPM/ISMS/OPR/GP14/BACKUP	<b>TELAH DILAKSANAKAN</b>

NO. OFI	KLAUSA	PENYATAAN OFI	PTJ TERLIBAT / LOKASI AUDIT	MAKLUM BALAS TINDAKAN	TARIKH TINDAKAN	SENARAI DOKUMEN SOKONGAN (BUKTI TINDAKAN)	STATUS
OFI-7	8.1	<p><b>Perancangan dan kawalan operasi A.9.2.2 Peruntukan akses pengguna</b></p> <p>Proses formal peruntukan akses pengguna bagi <i>Teaching Assessment System</i> boleh dinyatakan dengan jelas dalam prosedur / arahan kerja, supaya ianya dilaksanakan dengan sewajarnya. Contohnya, pertukaran akses pentadbir yang berpindah dari fakulti ke CADe-Lead.</p>	Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Kepemimpinan Akademik (CADe-Lead)	<p>Tindakan Cadangan Pindaan/Tambahan Dokumen (CPD) telah dilaksanakan bagi menambah baik dokumen Arahan Kerja Pelaksanaan Penilaian Pengajaran (UPM/OPR/CADE-LEAD/AK01) untuk dikuatkuasakan pada 31 Julai 2024 (No. CPD: OPR (CADe-Lead)-02/2023).</p> <p>Penambahbaikan arahan kerja merangkumi proses berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Kemaskini senarai pentadbir Putra Learning Hub fakulti/sekolah pusat pengajian dalam Portal Putra Learning Hub sekurang-kurangnya sekali setahun.</li> <li>2) Fakulti/sekolah pusat pengajian perlu memaklumkan pengemaskinian pentadbir kepada CADe-Lead melalui borang Maklum Balas Maklumat Pentadbir Putra Learning Hub UPM-Dekan/Pengarah.</li> </ol>	<p>26 Mac 2024</p> <p>8 Februari 2024</p>	<p>Petikan Minit Pengurusan CADe-Lead ke-137 pada 26 Mac 2024 [Minit 137.5.2]</p> <p>Surat makluman pengemaskinian pentadbir Putra Learning Hub kepada fakulti/sekolah 2024/2025</p>	<b>TELAH DILAKSANAKAN</b>



NO. OFI	KLAUSA	PENYATAAN OFI	PTJ TERLIBAT / LOKASI AUDIT	MAKLUM BALAS TINDAKAN	TARIKH TINDAKAN	SENARAI DOKUMEN SOKONGAN (BUKTI TINDAKAN)	STATUS
				<p>Borang maklum balas maklumat pentadbir Putra Learning Hub UPM telah ditambah baik dengan menyatakan perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Tarikh akses kepada sistem diberikan kepada pentadbir yang dinamakan.</li> <li>2) Tarikh akses diberhentikan bagi pegawai yang menamatkan peranan sebagai pentadbir sistem.</li> </ol>		<p>Sampel borang maklum balas maklumat pentadbir Putra Learning Hub UPM yang diterima oleh CADe-Lead bagi pengemaskinian pentadbir sistem.</p>	

NO. OFI	KLAUSA	PENYATAAN OFI	PTJ TERLIBAT / LOKASI AUDIT	MAKLUM BALAS TINDAKAN	TARIKH TINDAKAN	SENARAI DOKUMEN SOKONGAN (BUKTI TINDAKAN)	STATUS
OFI-8	8.1	<p><b>Perancangan dan kawalan operasi</b>  <b>A.13.2.1 Dasar dan prosedur pemindahan maklumat</b></p> <p>Kawalan bagi pemindahan maklumat melalui email dari Bahagian Kemasukan Dan Bahagian Urus Tadbir Akademik kepada iDEC, boleh ditambahbaik bagi melindungi pemindahan maklumat tersebut. Contohnya, pemindahan maklumat UPU melalui email yang mengandungi <i>link</i> dan katalaluan.</p>	Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik	Pada Sesi kemasukan 2024/2025, Bahagian Kemasukan telah menambahbaik proses pemindahan maklumat daripada UPU kepada iDEC dengan menghantar e-mel yang mengandungi maklumat pelajar kepada iDEC secara berasingan daripada e-mel yang mengandungi kata laluan.	27 Jun 2024	<p>a. Emel serahan data tawaran</p> <p>b. Emel kata laluan</p>	<b>TELAH DILAKSANAKAN</b>